



## **INSTITUT PENDIDIKAN BERTERUSAN DAN PENGAJIAN PROFESIONAL (iCEPS) UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

Dengan ini mempelawa calon-calon Warganegara Malaysia yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi kekosongan jawatan **kontrak** (Tabung Amanah) di Institut Pendidikan Berterusan dan Pengajian Profesional (iCEPS), Universiti Teknologi MARA Shah Alam.

### **i. JAWATAN**

Bil.	Jawatan	Gred	Status Jawatan	Skim Perkhidmatan	Gaji Permulaan	Cawangan	Tempoh Lantikan
KUMPULAN PELAKSANA							
1	Penolong Grafik	B5	Kontrak (Tabung Amanah iCEPS)	Pereka	RM1,650.00	iCEPS Shah Alam	1 tahun (Penyambungan kontrak berdasarkan prestasi)

### **ii. SYARAT-SYARAT PELANTIKAN**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) Terdiri daripada Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan
- c) Syarat kelayakan
  - i) Mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni reka dan/atau seni lukis serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred B5: RM1,650.00); atau
  - ii) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan mendapat Prinsipal dalam subjek Seni Visual pada peringkat peperiksaan tersebut.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred B5: RM1,650.00); atau
  - iii) Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred B5: RM1,650.00); atau
  - iv) Diploma Kemahiran Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred B5: RM1,731.00); atau

- v) Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred B5: RM1,812.00); atau
- vi) Diploma dalam bidang Seni Kreatif, Seni Bina Dalaman, Seni Lukis atau Seni Reka yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred B5: RM1,893.00).

### **iii. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

Calon yang memiliki kelayakan di perenggan 1(c)(ii), 1(c)(iii), 1(c)(iv), 1(c)(v) dan 1(c)(vi) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### **iv. SYARAT UJIAN KHAS**

Calon lantikan adalah dikehendaki lulus Ujian Khas bagi menentukan kesesuaian mutu dan tahap bakat, kebolehan dan daya kreativiti dalam bidang seni reka dan/ atau seni lukis sebelum lantikan seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan.

### **v. DESKRIPSI TUGAS**

1. Melaksanakan dan menyediakan segala urusan pembangunan bahan pengajaran & pembelajaran di UiTM berjalan lancar.
2. Melaksanakan dan membuat rekaan grafik, pengiklanan, bahan media cetak & multimedia menggunakan perisian grafik untuk kesesuaian penggunaan di iCEPS atau pengajaran & pembelajaran berjalan lancar.
3. Menyediakan segala urusan rekaan multimedia di iCEPS atau pengajaran & pembelajaran berjalan lancar.
4. Menyediakan segala urusan penerbitan secara hardcopy/softcopy di iCEPS berjalan lancar.
5. Menyediakan segala *Moke-up* dan *Dummy* bahan penerbitan grafik yang telah diluluskan untuk memudahkan urusan semakan semula kesesuaian reka bentuk dan reka letak grafik di peringkat akhir.
6. Melaksanakan tugas mengikut arahan dari semasa ke semasa.

**vi. PERHATIAN KEPADA PEMOHON**

- a. Permohonan dari pemohon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan-badan Berkanun hendaklah melalui Ketua Jabatan.
- b. Setiap permohonan **MESTILAH** disertakan dengan salinan sijil-sijil yang **DISAHKAN** benar.
  - i. Salinan Kad Pengenalan
  - ii. Salinan Sijil Kelahiran
  - iii. Salinan Sijil Berhenti Sekolah/SPM/ SPMV/ MCE/ Diploma/ Ijazah Sarjana Muda atau setaraf
  - iv. Surat pengesahan tempoh pekerjaan dari majikan (jika ada) untuk mengambil kira pengalaman kerja/ penetapan gaji
  - v. Dokumen berkaitan yang boleh menyokong permohonan jawatan yang berkenaan
- c. Pemohon hendaklah menyatakan **jawatan dan cawangan** yang dimohon di sebelah kiri atas sampul surat borang permohonan.
- d. Hanya permohonan yang berjaya disenarai pendek akan dipanggil untuk temu duga.

Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas **tiga (3)** bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.

**vii. PERMOHONAN**

Permohonan hendaklah dibuat dengan mengisi Borang Perjawatan Institut Pendidikan Berterusan dan Pengajian Profesional (iCEPS), Universiti Teknologi MARA yang boleh dimuat turun di laman sesawang <https://iceps.uitm.edu.my> atau boleh didapati di Kaunter Khidmat Pelanggan, Institut Pendidikan Berterusan dan Pengajian Profesional (iCEPS).

Tarikh tutup permohonan pada: **30 JUN 2025**

Sila kemukakan permohonan kepada:-

**PENGURUS  
BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN SUMBER MANUSIA  
INSTITUT PENDIDIKAN BERTERUSAN DAN PENGAJIAN PROFESIONAL (iCEPS)  
ARAS 1, UiTM - MTDC TECHNOPRENEUR CENTRE  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
40450 SHAH ALAM  
SELANGOR**

No.Tel: 03-5544 4913/ 4960/ 4998  
Bil.Rujukan:500-iCEPS (19/2)  
Bil. Iklan:5/2025  
Tarikh: 17/6/2025